

**SIARAN AKHBAR
UNTUK SIARAN SEGERA**

**ANIH SAHKAN KEMALANGAN DI KM 36.2 ARAH TIMUR DI LEBUHRAYA KL-
KARAK**

~Punca Kejadian Masih Disiasat, Keadaan Trafik Perlahan dan Terkawal ~

KUALA LUMPUR, 27 MEI 2022– ANIH Berhad, pengendali Lebuhraya Kuala Lumpur – Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT1) ingin mengesahkan kemalangan di KM 36.2 arah timur (Gombak - Genting Sempah) melibatkan sebuah lori dan Myvi yang kini menyebabkan trafik mula perlahan sepanjang 2km. Keadaan trafik di laluan tersebut perlahan namun masih terkawal.

Pada waktu siaran, pasukan Bomba dan Penyelamat sudahpun berada dilokasi dan sedang berusaha untuk mengeluarkan mangsa dari kenderaan yang terlibat sementara petugas ANIH Berhad membantu memastikan aliran trafik tidak menghalang usaha menyelamatkan mangsa. Punca kejadian masih disiasat.

“Pada masa ini, hanya laluan kanan dibuka untuk pengguna demi memudahkan tugas menyelamatkan oleh pasukan Bomba. Namun, ANIH ingin menasihatkan semua pengguna untuk mematuhi arahan petugas-petugas kecemasan dilokasi dan memandu secara berhemah dan berhati-hati apabila melalui kawasan terbabit”, kata Puan Radzimah Mohd Radzi, Pengurus Besar Kanan, Ketua ANIH Berhad.

ANIH Berhad ingin memberi jaminan kepada orang ramai bahawa syarikat sentiasa dalam keadaan bersedia dan komited untuk memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna lebuhraya kekal sebagai keutamaan.

Untuk maklumat lebih lanjut, tepat dan terkini, sila rujuk laman sosial rasmi Lembaga Lebuhraya Malaysia/ANIH Berhad di Twitter @LLMTrafik @LPTTrafik dan Facebook @Lembaga Lebuhraya Malaysia @Lebuhraya Pantai Timur atau hubungi *hotline* LLM di 1800-88-7752 dan LPT - Line di 1-700-818-700.

-TAMAT-

Tentang ANIH Berhad

ANIH Berhad adalah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang merangkumi komponen Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1), sepanjang 250 kilometer (KM). Bermula dari Gombak di KM 19.2 Lembah Klang hingga ke Jabor di KM 250 Terengganu, LPT meningkatkan masa perjalanan, dari Lembah Klang ke bandar-bandar utama di sebelah Pantai Timur, terutamanya Kuantan. Operasi tol dan penyenggaraan rangkaian-rangkaian lebuhraya ANIH Berhad diurus oleh Kumpulan MTD.

**Siaran Akhbar dikeluarkan bagi pihak ANIH Berhad oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan
Kumpulan MTD**

Menara MTD, 1, Jalan Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel : 03-6195 1111 Fax : 03-6187 5055 Website : www.mtdgroup.com.my, www.anihberhad.com